JUZU' KE-30

# SURAH AN-NAAZI'AAT

SURAH KE

79

# SURAH AN-NAAZI'AAT

## Surah Pencabut-pencabut

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

46

**Dengan nama Allah**
**Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih**

**Ayat-ayat dan Terjemahan**

وَٱلنَّٰزِعَٰتِ غَرۡقٗا ١ وَٱلنَّٰشِطَٰتِ نَشۡطٗا ٢

وَٱلسَّٰبِحَٰتِ سَبۡحٗا ٣ فَٱلسَّٰبِقَٰتِ سَبۡقٗا ٤

فَٱلۡمُدَبِّرَٰتِ أَمۡرٗا ٥ يَوۡمَ تَرۡجُفُ ٱلرَّاجِفَةُ ٦

تَتۡبَعُهَا ٱلرَّادِفَةُ ٧ قُلُوبٞ يَوۡمَئِذٖ وَاجِفَةٌ ٨

أَبۡصَٰرُهَا خَٰشِعَةٞ ٩

يَقُولُونَ أَءِنَّا لَمَرۡدُودُونَ فِي ٱلۡحَافِرَةِ ١٠

*"Demi pencabut-pencabut yang amat kuat(1). Demi yang bergerak cergas(2). Demi yang bergerak laju(3). Demi yang berlari pantas(4). Demi pentadbir-pentadbir yang melaksanakan perintah(5). Pada hari bergegarnya gempa bumi(6). Diiringi gegaran langit(7). Pada hari itu, semua hati berdebar-debar takut(8). Mata mereka tunduk hina(9). Mereka berkata: Adakah kita dikembalikan semula kepada kehidupan yang pertama?"(10).*

أَءِذَا كُنَّا عِظَٰمٗا نَّخِرَةٗ ١١

قَالُواْ تِلۡكَ إِذٗا كَرَّةٌ خَاسِرَةٞ ١٢

فَإِنَّمَا هِيَ زَجۡرَةٞ وَٰحِدَةٞ ١٣ فَإِذَا هُم بِٱلسَّاهِرَةِ ١٤

هَلۡ أَتَىٰكَ حَدِيثُ مُوسَىٰٓ ١٥

إِذۡ نَادَىٰهُ رَبُّهُۥ بِٱلۡوَادِ ٱلۡمُقَدَّسِ طُوًى ١٦

ٱذۡهَبۡ إِلَىٰ فِرۡعَوۡنَ إِنَّهُۥ طَغَىٰ ١٧

فَقُلۡ هَل لَّكَ إِلَىٰٓ أَن تَزَكَّىٰ ١٨

وَأَهۡدِيَكَ إِلَىٰ رَبِّكَ فَتَخۡشَىٰ ١٩

فَأَرَىٰهُ ٱلۡأٓيَةَ ٱلۡكُبۡرَىٰ ٢٠

*"Adakah kita dihidupkan kembali setelah kita menjadi tulang-tulang yang reput?(11). Kata mereka: Itulah perkembalian yang amat merugikan(12). Sesungguhnya Qiamat itu hanya satu pekikan sahaja(13). Tiba-tiba mereka berada di muka bumi Mahsyar yang putih berkilat(14). (Wahai Muhammad!) Sudahkah sampai kepadamu cerita Musa?(15). Ketika ia diseru Tuhannya di Wadi Tuwa yang suci(16). (Wahai Musa!) Pergilah berda'wah kepada Fir'aun. Sesungguhnya ia telah melampaui batas(17). Katakanlah kepadanya: Adakah engkau suka aku menyerumu supaya membersihkan dirimu?(18). Dan (adakah engkau suka) aku membimbingmu kepada Tuhanmu supaya engkau takut kepada-Nya?(19). Kemudian ia memperlihatkan kepadanya mu'jizat yang besar."(20).*

فَكَذَّبَ وَعَصَىٰ ٢١ ثُمَّ أَدۡبَرَ يَسۡعَىٰ ٢٢

فَحَشَرَ فَنَادَىٰ ٢٣ فَقَالَ أَنَا۠ رَبُّكُمُ ٱلۡأَعۡلَىٰ ٢٤

فَأَخَذَهُ ٱللَّهُ نَكَالَ ٱلۡأٓخِرَةِ وَٱلۡأُولَىٰٓ ٢٥

إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَعِبۡرَةٗ لِّمَن يَخۡشَىٰٓ ٢٦

ءَأَنتُمۡ أَشَدُّ خَلۡقًا أَمِ ٱلسَّمَآءُۚ بَنَىٰهَا ٢٧

رَفَعَ سَمۡكَهَا فَسَوَّىٰهَا ٢٨

وَأَغۡطَشَ لَيۡلَهَا وَأَخۡرَجَ ضُحَىٰهَا ٢٩

وَٱلۡأَرۡضَ بَعۡدَ ذَٰلِكَ دَحَىٰهَآ ٣٠

*"Tetapi Fir'aun mendustakannya dan menderhaka(21). Kemudian ia berpaling (meninggalkan) Musa dan berusaha(22). Lalu ia mengumpulkan (ahli-ahli sihir) dan berseru(23). Lalu berkata: Akulah tuhan kamu yang maha tinggi(24). Lalu Allah seksakannya dengan 'azab yang dahsyat di Akhirat dan di dunia(25). Sesungguhnya penyeksaan itu menjadi pengajaran bagi mereka yang takutkan Allah(26). Apakah kamu lebih sukar diciptakan atau langit lebih sukar dibinakannya?(27). Dia meninggikan bangunan langit dan menyusunnya dengan sempurna(28).*

*Dia menggelapkan hari malamnya dan menerangkan hari siangnya(29). Dan setelah itu Dia hamparkan bumi."(30).*

أَخْرَجَ مِنْهَا مَاءَهَا وَمَرْعَاهَا ﴿٣١﴾
وَالْجِبَالَ أَرْسَاهَا ﴿٣٢﴾ مَتَاعًا لَّكُمْ وَلِأَنْعَامِكُمْ ﴿٣٣﴾
فَإِذَا جَاءَتِ الطَّامَّةُ الْكُبْرَىٰ ﴿٣٤﴾
يَوْمَ يَتَذَكَّرُ الْإِنسَانُ مَا سَعَىٰ ﴿٣٥﴾
وَبُرِّزَتِ الْجَحِيمُ لِمَن يَرَىٰ ﴿٣٦﴾
فَأَمَّا مَن طَغَىٰ ﴿٣٧﴾ وَآثَرَ الْحَيَوٰةَ الدُّنْيَا ﴿٣٨﴾
فَإِنَّ الْجَحِيمَ هِيَ الْمَأْوَىٰ ﴿٣٩﴾
وَأَمَّا مَنْ خَافَ مَقَامَ رَبِّهِ وَنَهَى النَّفْسَ عَنِ الْهَوَىٰ ﴿٤٠﴾ فَإِنَّ الْجَنَّةَ هِيَ الْمَأْوَىٰ ﴿٤١﴾
يَسْأَلُونَكَ عَنِ السَّاعَةِ أَيَّانَ مُرْسَاهَا ﴿٤٢﴾
فِيمَ أَنتَ مِن ذِكْرَاهَا ﴿٤٣﴾
إِلَىٰ رَبِّكَ مُنتَهَاهَا ﴿٤٤﴾
إِنَّمَا أَنتَ مُنذِرُ مَن يَخْشَاهَا ﴿٤٥﴾
كَأَنَّهُمْ يَوْمَ يَرَوْنَهَا لَمْ يَلْبَثُوا إِلَّا عَشِيَّةً أَوْ ضُحَاهَا ﴿٤٦﴾

*"Dan dari bumi Dia keluarkan airnya dan tumbuh-tumbuhannya(31). Dan Dia tegakkan gunung-ganang(32). Untuk kenikmatan kamu dan ternakan kamu(33). Dan apabila tiba malapetaka agung.(34) Iaitu hari manusia teringat kepada segala perbuatan yang telah diusahakannya(35). Dan Neraka ditonjolkan kepada setiap yang melihat(36). Adapun orang-orang yang melampaui batas(37). Dan mengutamakan hidup dunia(38). Maka Neraka yang bernyala-nyala itulah tempat kediamannya(39). Dan adapun orang yang takut kepada kebesaran Tuhannya dan mencegahkan dirinya dari hawa nafsu(40). Maka Syurga itulah tempat kediamannya(41). Mereka bertanya kepadamu tentang Qiamat bilakah waktunya?(42). Mengapakah engkau yang harus menyebutkan waktunya?(43). Hanya kepada Tuhanmu sahaja kesudahan urusannya(44). Tugas engkau hanya memberi peringatan kepada mereka yang takutkannya(45). Pada hari mereka melihat Qiamat, maka terasalah oleh mereka seolah-olah mereka tidak tinggal di dunia melainkan hanya sepetang atau sepaginya sahaja."(46).*

### (Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah ini merupakan salah satu contoh dari Surah Juzu' 'Amma yang bertujuan menanamkan kesedaran dalam hati manusia terhadap hakikat Akhirat dengan segala peristiwanya yang ngeri, besar dan serius, dan bagaimana pentingnya alam Akhirat itu dalam perencanaan Ilahi bagi kewujudan alam manusia dan dalam pentadbiran Ilahi yang mengaturkan peringkat-peringkat kewujudan manusia dan langkah-langkahnya di atas muka bumi dan di dalam bumi dan seterusnya di alam Akhirat yang melambangkan penghabisan kewujudan manusia.

Dalam usaha menyedarkan hati manusia terhadap hakikat Akhirat yang agung itu, Al-Qur'an memalu berbagai-bagai nada di atas tali-tali hati manusia dan mencuitnya dengan berbagai-bagai cuitan di sekitar hakikat Akhirat yang agung itu. Nada-nada dan cuitan-cuitan itu mempunyai hubungan dengan hati manusia. Itulah hakikat yang membuka jalan kepada hati manusia di alam kenyataan supaya menerima hakikat Akhirat dengan penuh kesedaran dan kepekaan.

Al-Qur'an membuka jalan kepada hati manusia dengan satu muqaddimah yang tidak jelas hakikatnya dan menimbulkan semacam suasana tertanya-tanya, cemas dan takut. Muqaddimah itu diutarakan dalam nada kata-kata yang cemas dan termengah-mengah. Dengusan nafas seolah-olah terputus kerana terlalu takut, menggelentar, terperanjat dan terkejut:

وَالنَّازِعَاتِ غَرْقًا ﴿١﴾ وَالنَّاشِطَاتِ نَشْطًا ﴿٢﴾
وَالسَّابِحَاتِ سَبْحًا ﴿٣﴾ فَالسَّابِقَاتِ سَبْقًا ﴿٤﴾
فَالْمُدَبِّرَاتِ أَمْرًا ﴿٥﴾

*"Demi pencabut-pencabut yang amat kuat(1). Demi yang bergerak cergas(2). Demi yang bergerak laju(3). Demi yang berlari pantas(4). Demi pentadbir-pentadbir yang melaksanakan perintah."(5)*

Selepas muqaddimah yang kabur, mencemas dan menakutkan itu, datanglah pemandangan yang pertama Hari Qiamat. Bayangan dan sifat hari itu sama dengan bayangan dan sifat muqaddimah. Seolah-olah muqaddimah itu merupakan frem atau kulit yang menunjukkan hari itu:

يَوْمَ تَرْجُفُ الرَّاجِفَةُ ﴿٦﴾ تَتْبَعُهَا الرَّادِفَةُ ﴿٧﴾
قُلُوبٌ يَوْمَئِذٍ وَاجِفَةٌ ﴿٨﴾ أَبْصَارُهَا خَاشِعَةٌ ﴿٩﴾
يَقُولُونَ أَإِنَّا لَمَرْدُودُونَ فِي الْحَافِرَةِ ﴿١٠﴾

*"Pada hari bergegarnya gempa bumi(6). Diiringi gegaran langit(7). Pada hari itu, semua hati berdebar-debar takut(8). Mata mereka tunduk hina(9). Mereka berkata: Adakah kita dikembalikan semula kepada kehidupan yang pertama?"(10)*

أَءِذَا كُنَّا عِظَٰمًا نَّخِرَةً ﴿١١﴾

قَالُوا۟ تِلْكَ إِذًا كَرَّةٌ خَاسِرَةٌ ﴿١٢﴾

فَإِنَّمَا هِىَ زَجْرَةٌ وَٰحِدَةٌ ﴿١٣﴾ فَإِذَا هُم بِٱلسَّاهِرَةِ ﴿١٤﴾

*"Adakah kita dihidupkan kembali setelah kita menjadi tulang-tulang yang reput?(11). Kata mereka: Itulah perkembalian yang amat merugikan(12). Sesungguhnya Qiamat itu hanya satu pekikan sahaja(13). Tiba-tiba mereka berada di muka bumi Mahsyar yang putih berkilat."(14)*

Dalam suasana yang menakut, mengeri dan mencemaskan itu, Al-Qur'an mula menayangkan kisah kejatuhan salah satu tokoh pendusta yang zalim dalam satu babak kisah Musa dengan Fir'aun. Di sini nada ungkapan pun mulai merendah dan kendur supaya sesuai dengan suasana bercerita:

هَلْ أَتَىٰكَ حَدِيثُ مُوسَىٰٓ ﴿١٥﴾

إِذْ نَادَىٰهُ رَبُّهُۥ بِٱلْوَادِ ٱلْمُقَدَّسِ طُوًى ﴿١٦﴾

ٱذْهَبْ إِلَىٰ فِرْعَوْنَ إِنَّهُۥ طَغَىٰ ﴿١٧﴾

فَقُلْ هَل لَّكَ إِلَىٰٓ أَن تَزَكَّىٰ ﴿١٨﴾

وَأَهْدِيَكَ إِلَىٰ رَبِّكَ فَتَخْشَىٰ ﴿١٩﴾

فَأَرَىٰهُ ٱلْءَايَةَ ٱلْكُبْرَىٰ ﴿٢٠﴾

*"(Wahai Muhammad!) Sudahkah sampai kepadamu cerita Musa?(15). Ketika ia diseru Tuhannya di Wadi Tuwa yang suci(16). (Wahai Musa!) Pergilah berda'wah kepada Fir'aun. Sesungguhnya ia telah melampaui batas(17). Katakanlah kepadanya: Adakah engkau suka aku menyerumu supaya membersihkan dirimu?(18). Dan (adakah engkau suka) aku membimbingmu kepada Tuhanmu supaya engkau takut kepada-Nya?(19). Kemudian ia memperlihatkan kepadanya mu'jizat yang besar."(20)*

فَكَذَّبَ وَعَصَىٰ ﴿٢١﴾ ثُمَّ أَدْبَرَ يَسْعَىٰ ﴿٢٢﴾

فَحَشَرَ فَنَادَىٰ ﴿٢٣﴾ فَقَالَ أَنَا۠ رَبُّكُمُ ٱلْأَعْلَىٰ ﴿٢٤﴾

فَأَخَذَهُ ٱللَّهُ نَكَالَ ٱلْءَاخِرَةِ وَٱلْأُولَىٰٓ ﴿٢٥﴾

إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَعِبْرَةً لِّمَن يَخْشَىٰٓ ﴿٢٦﴾

*"Tetapi Fir'aun mendustakannya dan menderhaka(21). Kemudian ia berpaling (meninggalkan) Musa dan berusaha(22). Lalu ia mengumpulkan (ahli-ahli sihir) dan berseru(23). Lalu berkata: Akulah tuhan kamu yang maha tinggi(24). Lalu Allah seksakannya dengan 'azab yang dahsyat di Akhirat dan di dunia(25). Sesungguhnya penyeksaan itu menjadi pengajaran bagi mereka yang takutkan Allah."(26)*

Dengan penjelasan itu Al-Qur'an bertemu dan membuka jalan untuk memahami hakikat Akhirat yang agung itu.

Kemudian Al-Qur'an berpindah dari gelanggang sejarah kepada kitab alam buana yang terbuka dengan pemandangan-pemandangannya yang amat hebat, yang membuktikan kuasa, tadbir dan perencanaan Ilahi yang menciptakan alam dan mengawasi segala kesudahannya di dunia dan di Akhirat. Pemandangan-pemandangan itu ditayangkan dengan ungkapan-ungkapan yang kuat dan berkesan selaras dengan permulaan surah dan nada umumnya:

ءَأَنتُمْ أَشَدُّ خَلْقًا أَمِ ٱلسَّمَآءُ ۚ بَنَىٰهَا ﴿٢٧﴾

رَفَعَ سَمْكَهَا فَسَوَّىٰهَا ﴿٢٨﴾

وَأَغْطَشَ لَيْلَهَا وَأَخْرَجَ ضُحَىٰهَا ﴿٢٩﴾

وَٱلْأَرْضَ بَعْدَ ذَٰلِكَ دَحَىٰهَآ ﴿٣٠﴾

*"Apakah kamu lebih sukar diciptakan atau langit lebih sukar dibinakannya?(27). Dia meninggikan bangunan langit dan menyusunnya dengan sempurna(28). Dia menggelapkan hari malamnya dan menerangkan hari siangnya(29). Dan setelah itu Dia hamparkan bumi."(30)*

أَخْرَجَ مِنْهَا مَآءَهَا وَمَرْعَىٰهَا ﴿٣١﴾

وَٱلْجِبَالَ أَرْسَىٰهَا ﴿٣٢﴾ مَتَٰعًا لَّكُمْ وَلِأَنْعَٰمِكُمْ ﴿٣٣﴾

*"Dan dari bumi Dia keluarkan airnya dan tumbuh-tumbuhannya(31). Dan Dia tegakkan gunung-ganang(32). Untuk kenikmatan kamu dan ternakan kamu."(33)*

Selepas pendahuluan-pendahuluan dan singgungan-singgungan yang penuh ilham itu, barulah tiba pemandangan malapetaka Qiamat yang amat besar bersama balasan-balasannya terhadap perbuatan-perbuatan yang dilakukan manusia di dunia, iaitu balasan yang turut digambarkan di dalam pemandangan-pemandangan, di mana bentuk rupa dan bayangannya selaras dengan malapetaka agung:

فَإِذَا جَآءَتِ ٱلطَّآمَّةُ ٱلْكُبْرَىٰ ﴿٣٤﴾

يَوْمَ يَتَذَكَّرُ ٱلْإِنسَٰنُ مَا سَعَىٰ ﴿٣٥﴾

وَبُرِّزَتِ ٱلْجَحِيمُ لِمَن يَرَىٰ ﴿٣٦﴾

فَأَمَّا مَن طَغَىٰ ﴿٣٧﴾ وَءَاثَرَ ٱلْحَيَوٰةَ ٱلدُّنْيَا ﴿٣٨﴾

فَإِنَّ ٱلۡجَحِيمَ هِيَ ٱلۡمَأۡوَىٰ ﴿٣٩﴾ وَأَمَّا مَنۡ خَافَ مَقَامَ رَبِّهِۦ وَنَهَى ٱلنَّفۡسَ عَنِ ٱلۡهَوَىٰ ﴿٤٠﴾ فَإِنَّ ٱلۡجَنَّةَ هِيَ ٱلۡمَأۡوَىٰ ﴿٤١﴾

*"Dan apabila tiba malapetaka agung(34). Iaitu hari manusia teringat kepada segala perbuatan yang telah diusahakannya(35). Dan Neraka ditonjolkan kepada setiap yang melihat(36). Adapun orang-orang yang melampaui batas.(37). Dan mengutamakan hidup dunia(38). Maka Neraka yang bernyala-nyala itulah tempat kediamannya(39). Dan adapun orang yang takut kepada kebesaran Tuhannya dan mencegahkan dirinya dari hawa nafsu(40). Maka Syurga itulah tempat kediamannya."(41)*

Ketika hati sedang terharu dengan perasaan-perasaan yang ditimbulkan oleh pemandangan hari malapetaka agung, dan pemandangan Neraka yang ditunjukkan dengan jelas kepada setiap yang melihat dan pemandangan balasan yang diterima oleh orang-orang yang melampaui batas dan mengutamakan hidup dunia dan ganjaran yang diterima oleh orang-orang yang takutkan keagungan Allah dan menahan dirinya dari dijerumuskan oleh hawa nafsu, maka ketika inilah Al-Qur'an kembali kepada mereka yang tidak percayakan Hari Qiamat dan mengemukakan pertanyaan kepada Rasulullah s.a.w. bilakah waktu Qiamat itu..... ia kembali kepada mereka dengan pukulan yang menambahkan lagi kehebatan dan kedahsyatan Qiamat dalam perasaan manusia:

يَسۡـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلسَّاعَةِ أَيَّانَ مُرۡسَىٰهَا ﴿٤٢﴾

فِيمَ أَنتَ مِن ذِكۡرَىٰهَآ ﴿٤٣﴾

إِلَىٰ رَبِّكَ مُنتَهَىٰهَآ ﴿٤٤﴾

إِنَّمَآ أَنتَ مُنذِرُ مَن يَخۡشَىٰهَا ﴿٤٥﴾

كَأَنَّهُمۡ يَوۡمَ يَرَوۡنَهَا لَمۡ يَلۡبَثُوٓاْ إِلَّا عَشِيَّةً أَوۡ ضُحَىٰهَا ﴿٤٦﴾

*"Mereka bertanya kepadamu tentang Qiamat bilakah waktunya?(42). Mengapakah engkau yang harus menyebutkan waktunya?(43). Hanya kepada Tuhanmu sahaja kesudahan urusannya(44). Tugas engkau hanya memberi peringatan kepada mereka yang takutkannya(45). Pada hari mereka melihat Qiamat, maka terasalah oleh mereka seolah-olah mereka tidak tinggal di dunia melainkan hanya sepetang atau sepaginya sahaja."(46)*

Bunyi "ها" di hujung ayat-ayat itu memberi nada yang keras dan panjang seolah-olah bekerjasama membesar-besarkan peristiwa Qiamat agung itu.

* * * * * *

**(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 5)**

وَٱلنَّٰزِعَٰتِ غَرۡقٗا ﴿١﴾ وَٱلنَّٰشِطَٰتِ نَشۡطٗا ﴿٢﴾ وَٱلسَّٰبِحَٰتِ سَبۡحٗا ﴿٣﴾ فَٱلسَّٰبِقَٰتِ سَبۡقٗا ﴿٤﴾ فَٱلۡمُدَبِّرَٰتِ أَمۡرٗا ﴿٥﴾

*"Demi pencabut-pencabut yang amat kuat(1). Demi yang bergerak cergas(2). Demi yang bergerak laju(3). Demi yang berlari pantas(4). Demi pentadbir-pentadbir yang melaksanakan perintah."(5)*

***Pendapat-pendapat Mengenai Makhluk-makhluk Yang Dimaksudkan Oleh Ayat-ayat Ini***

Menurut satu pendapat, itulah "*malaikat-malaikat pencabut nyawa yang amat kuat*", "*malaikat-malaikat yang bergerak cergas*","*malaikat-malaikat yang bergerak laju di alam tinggi*", "*malaikat-malaikat yang amat pantas menjunjung perintah*" dan "*malaikat-malaikat pentadbir yang melaksanakan perintah yang diserahkan kepadanya.*" Menurut satu pendapat yang lain itulah sifat-sifat bintang-bintang yang meluncur di tempat-tempat peredaran masing-masing, yang beredar laju dan bergerak cergas dari satu kedudukan kepada satu kedudukan, yang terapung-apung dan tergantung-gantung di angkasa Allah, berlari laju dalam perjalanan dan peredarannya, mengaturkan gejala-gejala dan natijah-natijah pergerakan alam yang diserahkan Allah kepadanya iaitu urusan-urusan yang memberi kesan kepada kehidupan bumi dan penghuni-penghuninya.

Satu pendapat lagi mengatakan: النازعات , السابحات , الناشطات ,dan السابقات ialah sifat bintang-bintang dan المدبرات ialah sifat-sifat malaikat.

Ada pula yang berpendapat bahawa الناشطات , النازعات , السابحات ialah sifat bintang-bintang, sedangkan السابقات dan المدبرات ialah sifat-sifat malaikat.

Biar apa pun pengertiannya, namun pengungkapan yang sedemikian menggoncangkan perasaan kita dan mencemaskan hati kita dan membuat kita tertunggu-tunggu bahawa sesuatu yang dahsyat akan berlaku. Kerana itu ungkapan-ungkapan ini memberi sumbangan yang kuat menyediakan hati manusia untuk menghadapi gempa bumi dan langit, dan akhirnya menghadapi malapetaka Qiamat agung yang menakutkan itu.

Sesuai dengan wujudnya perasaan ini kami memilih untuk meninggalkan ayat-ayat ini begitu sahaja tanpa menambahkan apa-apa huraian dan penjelasan yang lebih dari itu supaya kita dapat hidup di bawah bayangan Al-Qur'an dengan ayat-ayatnya yang penuh dengan ilham dan saranan itu secara bersahaja begitu, kerana kesan yang menggoncang dan menyedarkan hati itu sendiri merupakan satu matlamat yang dituju oleh Al-Qur'an dengan menggunakan berbagai-bagai cara.

***Teladan Hemat 'Umar Ibn Al-Khattab Dalam Menghadapi Kalimat-kalimat Al-Qur'an***

Di samping itu kami ingin mengikut teladan yang ditunjukkan oleh Sayidina 'Umar ibn al-Khattab r.a ketika beliau membaca Surah 'Abasa dan apabila beliau sampai kepada ayat "فاكهة وأبا" beliau berkata: "Kita telah mengetahui makna فاكهة (buah-buahan), tetapi apakah pula makna أبا ?"

Kemudian beliau membetulkan semula dirinya dengan katanya:

"Demi usiamu, wahai anak al-Khattab, pertanyaan ini memberat-beratkan diri sendiri sahaja. Apakah salahnya jika engkau tidak mengerti makna sepatah kata dalam kitab Allah Ta'ala?"

Dalam satu riwayat yang lain beliau berkata:

"Semua itu kita sudah tahu, tetapi apa erti أبا ?"

Kemudian beliau mematahkan tongkat di tangannya kerana marahkan diri sendiri dan berkata:

"Ini, demi Allah, satu pertanyaan memberat-beratkan diri sahaja. Apakah salahnya anak ibu 'Umar, jika awak tidak tahu apakah makna أبا ?"

Kemudian beliau berkata lagi:

"Ikutilah maksud-maksud yang nyata dari ayat-ayat kitab suci ini dan tinggalkanlah maksudnya yang tidak nyata."

Inilah kata-kata yang lahir dari adab sopan terhadap kalimat-kalimat dan Allah yang agung itu, iaitu adab sopan seorang hamba di depan kalimat-kalimat Kalam Allah. Kadang-kadang mengekalkan kalimat-kalimat itu tanpa huraian merupakan satu matlamat yang menyampaikan maksudnya dengan sendirinya.

* * * * * *

**(Pentafsiran ayat-ayat 6 - 9)**

Kata-kata pembukaan itu diungkapkan dalam bentuk sumpah untuk menjelaskan hakikat-hakikat yang digambarkan oleh ayat-ayat berikut:

*"Pada hari bergegarnya gempa bumi(6). Diiringi gegaran langit."(7)*

Kata-kata (الراجفة) datang dengan makna "bumi" bersandarkan kepada ayat:

يَوْمَ تَرْجُفُ ٱلْأَرْضُ وَٱلْجِبَالُ

*"Pada hari bumi dan gunung-ganang bergegar."(14)*

(Surah al-Muzzammil)

***Pengertian-pengertian Kata-kata Ar-Rajifat Dan Ar-Radifat***

Dan الرادفة datang dengan makna "langit" dengan erti langit akan mengikut bumi dalam kejadian revolusi alam di mana langit akan terbelah dan bintang-bintangnya akan berguguran.

Begitu juga kata-kata الراجفة datang dengan makna tempikan pertama yang menggegarkan bumi, gunung-ganang, seluruh makhluk hidup dan mematikan penghuni-penghuni langit dan bumi, kecuali mereka yang dikehendaki Allah. Kata-kata الرادفة datang dengan makna "tiupan yang kedua" yang membangkitkan sekalian yang mati dan mengumpulkan mereka di padang Mahsyar seperti yang diterangkan di dalam Surah az-Zumar ayat 68.

Sama ada dengan pengertian pertama atau dengan pengertian kedua, kedua-duanya membuat hati manusia merasakan ledakan gempa, gegaran malapetaka dan huru-hara pada hari itu, dan membuatnya merasa menggigil, takut, ngeri dan gementar. Seterusnya ia membuat hati bersedia untuk memahami ketakutan yang melanda manusia pada hari itu, iaitu suatu ketakutan yang tidak memberi sebarang kemantapan dan ketenangan dan di waktu itu ia sedar dan menghayati kebenaran firman Allah:

*"Pada hari itu, semua hati berdebar-debar takut(8). Mata mereka tunduk hina."(9)*

***Pada Hari Qiamat Seluruh Hati Diselubungi Ketakutan Dan Kecemasan***

Mereka dalam keadaan terlalu takut dan cemas, mereka kelihatan jelas hina-dina. Perasaan mereka bercampuraduk di antara takut dan kecewa, gentar dan lumpuh. Inilah yang berlaku pada hari yang dahsyat, di mana gempa bumi bergegaran dan diiringi gegaran langit. Inilah suasana yang terangkul dalam sumpah Allah dengan kejadian-kejadian:

النازعات ، الناشطات ، السابحات ، السابقات ، المدبرات

Ini adalah satu pemandangan yang selaras dari segi bayangan dan nada dengan pendahuluan surah.

**(Pentafsiran ayat-ayat 10 - 14)**

Kemudian Al-Qur'an menceritakan keadaan mereka yang begitu terkejut, kaget dan termengah-mengah apabila keluar dari kubur mereka:

يَقُولُونَ أَءِنَّا لَمَرْدُودُونَ فِى ٱلْحَافِرَةِ ﴿١٠﴾

أَءِذَا كُنَّا عِظَٰمًا نَّخِرَةً ﴿١١﴾

*"Mereka berkata: Adakah kita dikembalikan semula kepada hidup yang pertama?(10). Adakah kita dihidupkan kembali setelah kita menjadi tulang-tulang yang reput?"(11)*

***Seluruh Manusia Berada Dalam Kebingungan Dan Tertanya-tanya***

Mereka tertanya-tanya kaget adakah kita hidup semula seperti dahulu? Dan bagaimana ini boleh

berlaku sedangkan kita telah pun menjadi tulang yang reput dan boleh mengeluarkan bunyi apabila ditiup angin? Dan mereka mungkin sedar bahawa mereka sebenarnya telah dihidupkan kembali, tetapi bukannya hidup di dunia, malah hidup di alam Akhirat, maka terasalah di hati mereka betapa ruginya perkembalian mereka dan terlepaslah kata-kata:

قَالُوا۟ تِلْكَ إِذًا كَرَّةٌ خَاسِرَةٌ ﴿١٢﴾

*"Kata mereka: Itulah perkembalian yang amat merugikan."(12)*

Kepulangan itu tidak pernah diduga mereka dan tidak pernah dibuat persiapan dan bekalan untuknya. Tiada apa untuk mereka, melainkan kerugian yang tulen. Di sini, dalam menghadapi pemandangan ini, Al-Qur'an iringi dengan satu kenyataan yang menjelaskan hakikat Qiamat:

فَإِنَّمَا هِىَ زَجْرَةٌ وَٰحِدَةٌ ﴿١٣﴾ فَإِذَا هُم بِٱلسَّاهِرَةِ ﴿١٤﴾

*"Sesungguhnya Qiamat itu hanya satu pekikan sahaja(13). Tiba-tiba mereka berada di muka bumi mahsyar yang putih berkilat."(14)*

Kata-kata الزجرة bererti tempikan yang kuat. Kata-kata yang keras digunakan di sini untuk diselaraskan dengan suasana pemandangan bersama-sama seluruh pemandangan surah. Kata-kata الساهرة" bererti bumi putih berkilat, iaitu bumi Mahsyar.

#### *Di Mana Bumi Mahsyar*

Kita tidak mengetahui, di mana bumi Mahsyar? Kita terima keterangan yang benar ini dari Allah, dan oleh itu, kita tidak seharusnya membuat tokok tambah dengan keterangan-keterangan yang tidak muktamad. Berdasarkan kepada nas-nas yang lain, pekikan yang dimaksudkan di sini ialah tiupan sangkakala yang kedua, iaitu tiupan bangkit dari kubur dan berhimpun di padang Mahsyar. Ungkapan ini membayangkan kecepatan dan kepantasan berlakunya peristiwa itu. Segala suasana surah ini menayangkan kecepatan dan kecemasan hati yang takut dan berdebar-debar kencang. Keselarasan ayat-ayat jelas dapat dilihat pada setiap gerak dan pandangan.

* * * * * *

### (Pentafsiran ayat-ayat 15 - 16)

Kemudian nada-nada itu agak merendah sedikit di dalam pusingan yang berikut untuk disesuaikan dengan suasana kisah-kisah yang ditayangkan, iaitu kisah-kisah yang berlaku di antara Musa dan Fir'aun dan cerita nasib kesudahannya apabila Fir'aun yang zalim itu bertindak melampaui batas:

هَلْ أَتَىٰكَ حَدِيثُ مُوسَىٰٓ ﴿١٥﴾

إِذْ نَادَىٰهُ رَبُّهُۥ بِٱلْوَادِ ٱلْمُقَدَّسِ طُوًى ﴿١٦﴾

*"(Wahai Muhammad!) Sudahkah sampai kepadamu cerita Musa?(15). Ketika ia diseru Tuhannya di Wadi Tuwa yang suci."(16)*

#### *Babak-babak Kisah Musa a.s. Dalam Al-Qur'an*

Kisah Musa merupakan kisah yang paling banyak sekali dicerita dan diperincikan di dalam Al-Qur'an. Sebelum ini kisah ini telah disebut di dalam berbagai-bagai surah, di mana diceritakan bermacam-macam babak dengan berbagai-bagai cara yang sesuai dengan pembicaraan surah yang memuatkan kisah itu dan turut menghasilkan tujuan penting surah itu mengikut gaya cara Al-Qur'an membentang dan menceritakan kisah-kisah itu. Di sini, kisah Musa diceritakan sepintas lalu dari masa beliau diseru Allah di perlembahan suci Tuwa hingga Fir'aun dibinasakan Allah. Ia dibinasakan di dunia kemudian diseksa di Akhirat, kerana itu kisah Musa mempunyai titik pertemuan dengan pokok pembicaraan surah ini, iaitu penjelasan hakikat Akhirat. Jarak waktu yang panjang kisah ini hanya disebutkan di dalam beberapa ayat yang pendek dan pantas supaya sesuai dengan tabi'at dan nada surah.

Ia dimulai dengan mengemukakan pertanyaan kepada Rasulullah s.a.w.:

*"(Wahai Muhammad!) Sudahkah sampai kepadamu cerita Musa?"(15)*

#### *Nabi Musa Bermunajat Dengan Allah Di Wadi Tuwa*

Pertanyaan ini bertujuan membuka jalan dan menyediakan diri untuk menerima kisah ini. Kemudian Al-Qur'an mula membentang kisah itu sebagai kisah sebenar yang berlaku. Ia dimulakan dengan pemandangan munajat:

إِذْ نَادَىٰهُ رَبُّهُۥ بِٱلْوَادِ ٱلْمُقَدَّسِ طُوًى ﴿١٦﴾

*"Ketika ia diseru Tuhannya di Wadi Tuwa yang suci."(16)*

Wadi Tuwa mengikut pendapat yang terkuat ialah nama satu perlembahan di pinggir Bukit Tursina di sebelah kanan bagi orang yang datang dari Madyan utara Hijaz.

#### *Sa'at Allah Memanggil Sendiri Hamba Kesayanganya Merupakan Sa'at Yang Amat Mulia Dan Penuh Rahsia*

Sa'at panggilan Allah merupakan satu sa'at yang amat hebat dan mulia, malah ia juga merupakan satu sa'at yang amat menakjubkan, kerana panggilan dari Allah itu sendiri kepada seseorang hamba-Nya merupakan satu perkara yang amat besar yang tidak dapat diungkap dengan kata-kata manusia. Ia merupakan satu rahsia dari rahsia-rahsia ketuhanan Yang Maha Agung di samping merupakan satu rahsia dari rahsia-rahsia kejadian manusia yang dilengkapkan persediaan untuk menerima panggilan Allah, Hanya sekadar inilah sahaja yang dapat kita jelaskan dalam persoalan ini. Manusia tidak dapat memahami hakikatnya. Oleh itu, manusia harus berdiri di pinggirnya sahaja sehingga Allah memberi kasyaf

kepadanya dan dapatlah ia mengecapinya dengan perasaannya.

### (Pentafsiran ayat-ayat 17 - 19)

Di tempat-tempat yang lain, percakapan di antara Musa dengan Allah diterangkan dengan terperinci, tetapi oleh kerana ruang ini suatu ruang untuk penjelasan yang ringkas dan pantas, maka ia terus menceritakan tentang Musa menerima perintah Allah selepas menyebut kisah panggilan Allah di Wadi Tuwa yang suci:

*"(Wahai Musa!) Pergilah berda'wah kepada Fir'aun. Sesungguhnya ia telah melampaui batas."(17)*

#### *Musa Ditugas Menghalangkan Kezaliman Dan Keterlaluan Fir'aun*

Tindak-tanduk yang keterlaluan itu adalah suatu perkara yang tidak seharusnya berlaku dan tidak seharusnya dibiarkan. Ia adalah satu perbuatan yang amat buruk dan merosakkan bumi serta bertentangan dengan apa yang disukai Allah dan membawa kepada apa yang dibencikan-Nya. Untuk mencegahkan kelakuan ini, Allah telah mengutuskan seorang hamba pilihan-Nya supaya berjuang menghalangkan kejahatan, kerosakan dan keterlaluan itu. Ia satu perbuatan yang begitu keji dan dibenci sehingga Allah sendiri memerintah seorang hamba pilihan-Nya supaya pergi menghadapi Fir'aun yang zalim dan pelampau itu agar ia sedar dan balik ke pangkal jalan sebelum ditimpa 'azab Allah di dunia dan Akhirat.

Kemudian Allah mengajar Musa bagaimana cara hendak berbicara dengan Fir'aun dengan menggunakan kata-kata yang lembut dan menarik semoga ia berhenti dari kezaliman dan menghindarkan diri dari kemurkaan Allah:

*"Katakanlah kepadanya: Adakah engkau suka aku menyerumu supaya membersihkan diri?"(18)*

Sukakah engkau membersihkan diri dari noda-noda kezaliman dan maksiat? Sukakah engkau menuju ke jalan perhubungan dengan Allah dan jalan keberkatan?

*"Dan membimbingmu kepada Tuhanmu supaya engkau takut kepada-Nya?"(19)*

Sukakah engkau jika aku tunjukkan jalan menuju Tuhanmu? Jika engkau tahu jalan ini, sudah tentu engkau akan takutkan Allah. Manusia tidak bertindak zalim, keterlaluan dan derhaka melainkan apabila ia jauh dari Tuhannya. Jika ia sesat dari jalan yang benar, hatinya akan rosak dan menjadi kejam, dan dari sinilah lahirnya tindak-tanduk yang zalim dan menderhakakan Allah.

### (Pentafsiran ayat-ayat 20 - 21)

Inilah yang berlaku dalam babak panggilan dan penyampaian perintah dan kemudiannya dalam babak pertemuan dan penyampaian da'wah kepada Fir'aun, dan untuk meringkaskan cerita tirai terus dilabuhkan kemudian diangkatkan semula untuk menunjukkan kesudahan adegan pertemuan di antara Fir'aun dan Musa itu:

*"Kemudian ia memperlihatkan kepadanya mu'jizat yang besar."(20)*

#### *Musa Memperlihatkan Mu'jizat-mu'jizat*

Musa telah menyampaikan apa yang telah ditugaskan kepadanya dengan gaya bahasa yang diajar oleh Allah sendiri, tetapi cara itu gagal untuk melembutkan hati Fir'aun yang zalim dan kosong dari iman itu, lalu Musa memperlihatkan kepadanya mu'jizat-mu'jizatnya yang besar, iaitu mu'jizat tongkat dan mu'jizat tangan yang putih melepak sebagaimana diterangkan di tempat-tempat yang lain:

*"Tetapi Fir'aun mendustakannya dan menderhaka."(21)*

Adegan pertemuan dan penyampaian da'wah ini berakhir setakat Fir'aun menolak dan enggan mengikut penceritaan secara ringkas.

### (Pentafsiran ayat-ayat 22 - 24)

Kemudian ditunjukkan pula adegan Fir'aun enggan menerima da'wah Musa dan berusaha mengumpulkan ahli-ahli sihir untuk mengadakan pertandingan antara sihir dan kebenaran apabila ia merasa begitu sukar untuk menyerah kalah kepada kebenaran dan hidayat:

*"Kemudian ia berpaling dari Musa dan berusaha(22). Lalu ia mengumpulkan (ahli-ahli sihir) dan berseru(23). Lalu berkata: Akulah tuhan kamu yang maha tinggi."(24)*

#### *Fir'aun Mengaku Dirinya Sebagai Tuhan*

Di sini Al-Qur'an dengan pantas menyebut perkataan Fir'aun yang pelampau dan kafir itu, dan secara sepintas lalu ia mengisahkan usaha-usaha Fir'aun melakukan tipu daya dan menghimpunkan ahli-ahli sihir dan khalayak ramai, dan keluarlah dari mulutnya kata-kata biadab yang bongkak dan jahil:

*"Akulah tuhan kamu yang maha tinggi."(24)*

Ia berkata begitu kerana tertipu dengan kelalaian rakyat jelata, tertipu dengan kepatuhan dan keta'atan

mereka. Kelalaian, kerendahan diri, kepatuhan dan keta'atan rakyat jelata inilah yang membuat pemerintah-pemerintah yang zalim itu tertipu. Sebenarnya pemerintah yang zalim dan pelampau itu hanya manusia sebatang karah sahaja, dan pada hakikatnya ia tidak mempunyai sebarang kekuatan dan kuasa. Dan yang membuat dia berkuasa ialah rakyat jelata yang lalai dan rendah diri. Merekalah yang memberi belakang untuk ditunggang, memberi leher untuk ditarik, menundukkan kepala untuk dilangkahi dan menyerahkan kemuliaan dan kehormatan untuk diperlakukan dengan sewenang-wenang.

Rakyat jelata yang berbuat demikian ialah kerana tertipu dan kerana takut. Sedangkan ketakutan itu lahir dari sangkaan-sangkaan yang tidak benar. Pemerintah yang zalim adalah manusia yang sebatang karah, Ia tidak mungkin lebih kuat dari ribuan dan jutaan rakyat, jika rakyat menyedari harga kemanusiaan, kehormatan, kemuliaan dan kebebasan diri mereka. Setiap seorang rakyat adalah setanding dengan seorang pemerintah yang zalim dari segi kekuatan, tetapi pemerintah dapat menipu mereka hingga mereka merasa seolah-olah dia memiliki sesuatu untuk mereka. Tidak mungkin sekali-kali seorang manusia sebatang karah bermaharajalela di tengah-tengah rakyat jelata yang mempunyai kemuliaan diri. Tidak mungkin sekali-kali seorang manusia sebatang karah bermaharajalela di tengah-tengah rakyat jelata yang sedar, dan tidak mungkin sekali-kali seorang manusia sebatang karah bermaharajalela di tengah-tengah rakyat jelata yang mengenal dan beriman kepada Allah dan enggan menyembah mana-mana makhluknya yang tidak mempunyai sebarang kuasa yang boleh mendatangkan mudarat dan kebaikan. Tetapi Maharaja Fir'aun mendapati rakyat jelatanya lalai, hina diri dan kosong dari iman, dan inilah yang memberanikannya mengeluarkan kata-kata yang kafir dan berdosa:

*"Akulah tuhan kamu yang maha tinggi."(24)*

Ia tidak akan mengeluarkan kata-kata itu jika ia tahu rakyat jelatanya sedar, mempunyai kemuliaan diri dan beriman kepada Allah, kerana mereka tahu bahawa dia hanya seorang manusia yang lemah dan tidak berkuasa di atas suatu apa, dan andainya seekor lalat merampas sesuatu darinya nescaya ia tidak dapat menyelamatkannya.

### (Pentafsiran ayat-ayat 25 - 26)

Untuk menghadapi perbuatan biadab dan kezaliman yang keji itu, maka bergeraklah kekuatan agung Ilahi:

*"Lalu Allah seksakannya dengan 'azab yang dahsyat di Akhirat dan di dunia."(25)*

Di sini didahulukan 'azab Akhirat dari 'azab dunia, kerana 'azab Akhirat lebih dahsyat dan kekal. Itulah keseksaan hakiki yang menimpa manusia-manusia yang zalim dan penderhaka, iaitu keseksaan yang amat pedih dan kekal abadi. Di samping itu, mendahulukan sebutan 'azab Akhirat adalah sesuai dengan pembicaraan surah ini yang memperkatakan tentang Hari Akhirat dan menjadikan Akhirat sebagai maudhu'nya yang pokok. Selain dari itu susunan mendahulukan kata Akhirat dari segi sebutannya adalah selaras dengan bunyi akhir kata ayat-ayat yang lain di samping selaras dengan maudhu'nya yang pokok dari segi makna.

Keseksaan dunia menimpa Fir'aun adalah ngeri dan dahsyat, maka bagaimana pula dengan keseksaan Akhirat yang lebih dahsyat dan ngeri itu? Inikan Fir'aun seorang raja yang mempunyai kekuatan, kekuasaan dan kebesaran yang turun-temurun, bagaimana pula dengan manusia-manusia pendusta yang lain? Bagaimana pula dengan kaum Musyrikin di Makkah yang menentang da'wah?

*"Sesungguhnya penyeksaan itu menjadi pengajaran bagi mereka yang takutkan Allah."(26)*

### *Hanya Orang Yang Beriman Sahaja Mengambil Pengajaran Dari Kejatuhan Pemerintah-pemerintah Yang Zalim*

Orang-orang yang mengenai Tuhannya dan takut kepada-Nya dapat memahami contoh pengajaran dari kisah Fir'aun. Tetapi bagi mereka yang hatinya tidak mengenal taqwa akan terhijab dari contoh pengajaran itu hingga mereka berlanggar dengan akibat yang buruk dan sehingga Allah menyeksakan mereka dengan 'azab yang dahsyat di Akhirat dan di dunia. Setiap orang mendapat kemudahan memilih jalan dan setiap orang mendapat kemudahan menuju ke arah akibat yang buruk. Hanya orang yang takut kepada Allah sahaja dapat mengambil pengajaran.

* * * * * *

### (Pentafsiran ayat-ayat 27 - 33)

Sesudah menjelajah di gelanggang-gelanggang kejatuhan manusia pelampau yang zalim dan angkuh dengan kekuatan mereka, Al-Qur'an kembali pula kepada kaum Musyrikin Makkah yang juga berbangga-bangga dengan kekuatan mereka. Ia membawa mereka melihat gejala-gejala kekuasaan Allah Yang Maha Agung di alam buana ini agar dibandingkan dengan kekuasaan mereka yang tidak sampai ke mana-mana itu:

ءَأَنتُمْ أَشَدُّ خَلْقًا أَمِ ٱلسَّمَآءُ ۚ بَنَىٰهَا ﴿٢٧﴾

*"Apakah kamu lebih sukar diciptakan atau langit lebih sukar dibinakannya?"(27)*

***Mengulangkan Kembali Penciptaan Manusia Tidak Sepayah Menciptakan Langit***

Pertanyaan ini tidak mempunyai jawapan yang lain melainkan jawapan menyerah kalah dan mengaku bahawa langitlah yang lebih sukar diciptakan. Ini tidak dapat dipertikaikan lagi. Oleh itu, mengapa kamu masih tertipu dengan kekuatan kamu sedangkan langitlah yang lebih sukar diciptakan dari kamu, dan yang menciptakan langit lebih gagah dari langit?

Ini adalah satu saranan yang terbit dari pertanyaan itu, tetapi di sana ada satu lagi saranan yang terbit darinya iaitu apakah yang menyebabkan kamu menganggap sukar untuk dibangkitkan kamu semula selepas mati, sedangkan Allah berkuasa menciptakan langit yang lebih sukar dari menciptakan kamu dan sedangkan urusan membangkitkan kamu kembali hanya merupakan satu proses mengulangkan semula penciptaan kamu. Dan tentulah Allah yang berkuasa membina langit yang lebih sukar itu berkuasa pula mengulangi penciptaan kamu yang lebih mudah itu.

Langit yang amat sukar itu telah dibinakan Allah tanpa dipertikaikan. Kata-kata "bina"[1] itu membayangkan keteguhan dan kekukuhan dan kejadian langit juga begitu kukuh, padu dan tidak kucar-kacir. Bintang-bintang dan planet-planetnya tidak pernah berada di dalam keadaan berselerakan dan tidak pernah melencong dari orbit atau jalan-jalan peredaran masing-masing. Ia merupakan satu binaan yang kukuh dan segala bahagiannya tersusun padu.

*"Dia meninggikan bangunan langit dan menyusunnya dengan sempurna."(28)*

Langit dibina begitu tinggi, begitu kukuh dan sepadu. Inilah maksud penyusunan yang sempurna. Pandangan mata kasar dan perhatian biasa sahaja dapat menyaksikan susunan kejadian langit yang begitu rapi dan seimbang itu. Pengetahuan mengenai hakikat undang-undang yang memegang bintang-bintang dan planet-planet yang besar dan menyelaraskan pergerakan-pergerakannya dan segala implikasinya, dapat meluaskan lagi pengertian ungkapan itu dan menambahkan ruang hakikat yang besar itu, yang mana hanya sedikit sahaja dari hakikat itu dapat diketahui manusia dengan ilmu-ilmu pengetahuan mereka. Mereka berdiri kaget di hadapannya, mereka diselubungi perasaan kagum, tercengang dan takjub dan mereka tidak mampu memberi sebab dan alasan selain dari andaian adanya satu kekuatan agung yang mentadbir dan mengaturkan perjalanannya walaupun mereka tidak menganut apa-apa agama pun.

*"Dia menggelapkan hari malamnya dan menerangkan hari siangnya."(29)*

***Undang-undang Di Sebalik Pertukaran Siang Dan Malam***

Ungkapan ini membawa bunyi dan makna yang keras dan ini sesuai dengan pembicaraan tentang kekerasan dan kekuatan. Maksud dari **"menggelapkan hari malam"** ialah menjadikan hari malam itu gelap, Dan maksud dari **"menerangkan hari siang"** ialah menjadikan hari siang itu terang. Pemilihan kata-kata di sini cukup seimbang dengan pembicaraan ayat-ayat.

Hakikat gelap dan terang silih berganti di waktu malam dan siang ini dilihat oleh semua orang dan dirasakan oleh setiap hati. Tetapi ia mungkin dilupakan, kerana terlalu biasa. Oleh kerana itu Al-Qur'an membaharui ingatan itu dengan menggerakkan perasaan-perasaan manusia ke arahnya supaya ia terus membaharui setiap hari, dan supaya perasaan dan emosi manusia juga turut membaharui dengan kesan-kesannya. Undang-undang yang wujud di sebalik hakikat malam dan siang itu juga begitu halus dan begitu agung. Ia membuat hati setiap orang yang mengetahuinya kagum dan takjub. Dan hakikat ini akan terus menakjubkan hati apabila pengetahuan manusia semakin luas mengenainya.

*"Dan setelah itu Dia hamparkan bumi(30). Dan dari bumi Dia keluarkan air dan tumbuh-tumbuhannya(31). Dan Dia tegakkan gunung-ganang."(32)*

***Hasil Dari Kemantapan Permukaan Bumi Dan Kesederhanaan Suhunya***

Makna dihamparkan bumi ialah diratakan permukaannya supaya sesuai untuk berjalan di atasnya dan sesuai untuk mewujudkan tanah-tanih yang sesuai untuk menumbuhkan tanaman-tanaman. Penegakan gunung-ganang adalah sebagai hasil dari kemantapan permukaan bumi, dan wujudnya darjah kepanasan bumi pada tahap yang sederhana ini membolehkan makhluk yang bernyawa hidup di atasnya. Allah mengeluarkan air dari bumi sama ada yang mengalir dari matair-matair atau yang turun dari langit, kerana air hujan juga berasal dari air bumi yang berubah menjadi wap yang naik ke udara kemudian turun semula dalam bentuk air hujan. Allah keluarkan dari bumi tumbuh-tumbuhan yang dapat dimakan oleh manusia dan ternakan. Seluruh makhluk yang

---

[1] ((بناها))

hidup adalah bergantung kepada tumbuh-tumbuhan ini secara langsung atau tidak secara langsung.

Semuanya berlaku selepas dibinakan langit, digelapkan malam dan diterangkan siang. Teori-teori moden ilmu astronomi mendekatkan kepada pengertian ayat-ayat ini apabila teori-teori itu mengandaikan bahawa bumi ini telah dilalui ratusan juta tahun beredar siang dan malam bersilih ganti sebelum ia terhampar, sebelum ia sesuai untuk ditanam dan sebelum kulitnya mantap dengan tanah-tanah tinggi dan tanah-tanah datar.

Al-Qur'an mengumumkan bahawa segala apa yang diciptakan Allah itu adalah:

*"Untuk kenikmatan kamu dan ternakan kamu."(33)*

### *Seluruh Struktur Alam Dan Bumi Disesuaikan Dengan Kepentingan-kepentingan Hidup Manusia*

Ayat-ayat ini mengingatkan manusia betapa besarnya pentadbiran Allah terhadap mereka di samping mengingatkan betapa besarnya perencanaan Allah di dalam kerajaan-kerajaan-Nya. Pembinaan langit dan penghamparan bumi dalam bentuknya yang ada sekarang bukan secara mendadak atau kebetulan, malah ia dibuat dengan perkiraan yang sesuai dengan kepentingan-kepentingan manusia yang akan memerintah bumi ini kerana kewujudan, kesuburan dan kemajuan manusia di bumi ini memerlukan penyesuaian-penyesuaian yang amat banyak dalam pelan alam dan dalam pelan keluarga matahari khususnya, dan lebih-lebih lagi dalam pelan bumi.

Di antara penyesuaian-penyesuaian yang disebut di sini secara ringkas menurut cara Al-Qur'an ialah pembinaan langit, penggelapan malam, pencerahan siang, penghamparan bumi, pengeluaran air dan tumbuh-tumbuhan dan penegakan gunung-ganang atau bukit-bukau untuk kenikmatan manusia dan ternakan-ternakannya. Ia membayangkan hakikat tadbir dan perencanaan Allah pada setengah-setengah kejadian alam yang terbuka dan boleh difahamkan oleh semua peringkat manusia di setiap masyarakat dan di setiap zaman tanpa memerlukan kepada tingkatan ilmu pengetahuan yang tertentu. Ini ialah supaya ayat-ayat Al-Qur'an itu dapat ditujukan kepada seluruh umat manusia dari semua peringkat dan di setiap masa.

Di sebalik hakikat-hakikat yang terbuka itu terdapat pula pengertian-pengertian yang lebih luas dan mendalam terhadap tadbir dan perencanaan Allah dalam mengatur dan menyusun pelan alam buana yang amat besar ini. Penolakan unsur kebetulan dan serampangan dalam kejadian-kejadian ini adalah diungkapkan oleh tabi'at alam buana dan tabi'at kebetulan itu sendiri yang memustahilkan kemungkinan wujudnya penyesuaian-penyesuaian yang menakjubkan itu.

Penyesuaian-penyesuaian ini bermula dari susunan keluarga matahari yang berhubung rapat dengan bumi kita. Ia merupakan satu susunan yang jarang wujud di antara ratusan juta kumpulan bintang-bintang di angkasa raya. Kedudukan bumi sekarang merupakan satu contoh unik yang tidak ada dua tiganya di antara planet-planet di dalam keluarga matahari, iaitu satu kedudukan yang membuat bumi sesuai untuk kehidupan manusia. Sehingga hari ini manusia tidak mengetahui adanya satu planet lain di antara ribuan planet yang mempunyai penyesuaian-penyesuaian seperti itu.

> "Itu ialah kerana sebab-sebab hayat atau faktor-faktor hidup adalah cukup di bumi. Ukurannya cukup sesuai, jarak jauhnya sederhana dan strukturnya adalah sesuai untuk menemukan anasir-anasir benda pada nisbah yang boleh mencergaskan kegiatan hidup.
>
> Ukuran bumi yang sesuai itu adalah perlu, kerana kekalnya udara dingin di sekeliling bumi adalah bergantung kepada daya tarikan yang ada pada bumi.
>
> Jarak bumi yang sederhana itu adalah perlu kerana jirim yang dekat dengan matahari itu panas dan menyebabkan jisim-jisim tidak kemas dan padu, sedangkan jirim yang jauh dari matahari itu pula sejuk menyebabkan jisim-jisim itu kemas dan padu.
>
> Struktur bumi yang sesuai itu adalah perlu supaya anasir-anasir benda dapat bertemu pada nisbah yang boleh mencergaskan kegiatan hidup, kerana nisbah ini untuk pertumbuhan tumbuh-tumbuhan dan kewujudan hidup-hidupan yang bergantung kepada struktur bumi untuk menghasilkan makanan.
>
> Kedudukan bumi merupakan satu kedudukan yang paling sesuai untuk menyempurnakan syarat-syarat tersebut yang pasti untuk pertumbuhan hayat dalam bentuk yang kita ketahui, dan sehingga sekarang tiada bentuk hayat yang lain diketahui oleh kita."[2]

### *Memahami Kedudukan Manusia Di Bumi Yang Diaturkan Sedemikian Rapi Merupakan Pendahuluan Untuk Memahami Hikmat Diwujudkan Alam Akhirat*

Penjelasan mengenai hakikat tadbir dan perencanaan Allah dalam mengatur dan menyusun pelan alam buana yang besar, dan bagaimana kedudukan manusia diperhitungkan dengan teliti dalam pelan itu, merupakan satu pendahuluan bagi mempersiapkan hati dan akal untuk menerima hakikat Akhirat, Hisab dan Balasannya dengan tenang dan yakin. Tidak mungkin manusia yang diciptakan sedemikian rapi ditinggalkan begitu sahaja tanpa menerima balasannya. Dan tidak masuk akal bahawa riwayat manusia akan berakhir dengan usianya yang pendek di dunia ini. Tidak masuk akal kejahatan,

---

[2] *Dari buku al-Ustaz al-'Aqqad,* عقائد المفكرين في القرن العشرين *m.s. 36.*

kezaliman dan kebatilan yang bermaharajalela di bumi akan berlalu dengan selamat, dan tidak masuk akal kebaikan, keadilan dan kebenaran yang diganyangkan di bumi itu berlalu begitu sahaja. Kerana ini adalah bertentangan dengan semangat tadbir dan perencanaan Ilahi yang jelas dalam penyusunan pelan alam buana yang besar ini. Oleh itu, penjelasan hakikat kejadian alam yang disentuh oleh ayat-ayat dalam bahagian ini mempunyai titik pertemuan dengan hakikat Akhirat yang menjadi pokok pembicaraan utama surah ini. Penjelasan hakikat itu sesuai sebagai pendahuluan bagi hakikat Akhirat supaya mudah difaham oleh hati dan akal. Oleh itu, memang sesuai dengan tempat dan masa, apabila penjelasan malapetaka Qiamat yang agung itu disebut selepasnya.

## (Pentafsiran ayat-ayat 34 - 41)

*"Dan apabila tiba malapetaka agung(34). Iaitu hari manusia teringat kepada segala perbuatan yang telah diusahakannya."(35)*

### *Qiamat Merupakan Hari Kesedaran Manusia*

Kehidupan dunia adalah suatu kenikmatan, iaitu kenikmatan yang diatur dengan rapi mengikut pentadbiran Allah yang berhubung rapat dengan seluruh alam, dengan kewujudan hayat dan manusia, tetapi kenikmatan itu ada akhir dan ada penghabisannya. Apabila malapetaka agung (Qiamat) berlaku, maka ia akan menghapuskan segala-galanya. Ia menghapuskan segala kenikmatan-kenikmatan sementara itu, menghapuskan alam yang kukuh dan rapi, menghapuskan langit yang terbina tinggi menyayup, menghapuskan bumi yang terhampar lebar, menghapuskan gunung-ganang yang tersergam tegak, menghapuskan segala yang hidup dan menghapuskan segala pertarungan dan peperangan, kerana Qiamat itu lebih besar dan merangkuli segala-galanya.

Ketika inilah setiap manusia teringat segala perbuatan yang telah dilakukannya, kini ia mengenangkannya kembali kerana selama ini kesibukan hidup dan keasyikan berpoya-poya dalam kenikmatan telah menyebabkannya leka dan lupa. Kini ia teringat segala perbuatan dan amalannya, tetapi ingatan dan kenangan itu tidak lagi berguna kepadanya selain dari penyesalan dan kehampaan, dan selain dari memikirkan balasan yang akan diterimanya.

وَبُرِّزَتِ ٱلْجَحِيمُ لِمَن يَرَىٰ ﴿٣٦﴾

*"Dan Neraka ditonjolkan kepada setiap yang melihat."(36)*

Neraka kelihatan jelas kepada setiap mata. Kata-kata برزت membawa makna dan bunyi yang kasar dan keras dan menonjol pemandangan Neraka di hadapan setiap mata.

### *Pada Hari Qiamat Setiap Manusia Pelampau Akan Menerima Balasannya*

Ketika itu manusia akan menerima balasan dan akibat yang berbeza-beza, dan ketika itu lahirlah tujuan dan matlamat pentadbiran dan perencanaan Allah yang mewujudkan kehidupan dunia:

*"Adapun orang-orang yang melampaui batas(37). Dan mengutamakan hidup dunia(38). Maka Neraka yang bernyala-nyala itulah tempat kediamannya."(39)*

Kata-kata طغى disini lebih luas dari ertinya yang dekat iaitu zalim, ia merupakan sifat bagi setiap orang yapg melampaui batas kebenaran dan hidayat. Pengertiannya lebih luas dari pemerintah yang zalim dan kejam. Ia meliputi setiap orang yang menentang hidayat dan mengutamakan hidup dunia tanpa memperhitungkan Hari Akhirat, sedangkan pada Hari Akhirat itulah yang boleh membetulkan segala neraca pertimbangan di tangan dan di hati manusia. Apabila seseorang itu mengabaikan Hisab Akhirat dan mengutamakan hidup dunia, maka pertimbangannya akan meleset, segala neraca dan segala penilaiannya salah dan segala lunas perasaan dan perilakunya akan menyeleweng, dan ia akan menjadi manusia pelampau dan pelanggar batas. Untuk golongan ini:

فَإِنَّ ٱلْجَحِيمَ هِيَ ٱلْمَأْوَىٰ ﴿٣٩﴾

وَأَمَّا مَنْ خَافَ مَقَامَ رَبِّهِۦ وَنَهَى ٱلنَّفْسَ عَنِ ٱلْهَوَىٰ ﴿٤٠﴾ فَإِنَّ ٱلْجَنَّةَ هِيَ ٱلْمَأْوَىٰ ﴿٤١﴾

*"Maka Neraka yang bernyala-nyala itulah tempat kediamannya(39). Dan adapun orang yang takut kepada kebesaran Tuhannya dan mencegahkan dirinya dari hawa nafsu(40). Maka Syurga itulah tempat kediamannya."(41)*

Orang yang takut kepada kebesaran Tuhannya tidak berani melakukan maksiat, dan apabila ia lakukannya di bawah tekanan kelemahannya sebagai manusia, maka perasaan takutnya kepada Allah Yang Maha Mulia itu akan membawanya kepada penyesalan-penyesalan, kepada memohon keampunan dan bertaubat, dan kerana itu ia tetap berada dalam lingkungan ta'at.

### *Mengikut Nafsu Selepas Berilmu Merupakan Sakit jiwa*

Pencegahan diri dari keinginan hawa nafsu merupakan tiang seri keta'atan. Keinginan hawa nafsu merupakan pendorong yang kuat kepada

tindak-tanduk yang melampau dan kepada perbuatan-perbuatan maksiat. Ia menjadi punca segala bala bencana dan punca segala kejahatan. Jarang manusia binasa kecuali dengan sebab nafsu. Kejahilan mudah diubati tetapi penyakit mengikut hawa nafsu selepas berilmu merupakan penyakit jiwa yang memerlukan mujahadah yang bersungguh-sungguh dan memerlukan masa yang untuk mengubatinya.

Perasaan takut kepada Allah merupakan dinding yang teguh untuk mencegahkan keinginan-keinginan nafsu yang kuat, tetapi dinding-dinding yang lain jarang dapat mencegah rempuhan hawa nafsu. Kerana itulah kedua-duanya dikumpulkan dalam satu ayat. Yang bercakap di sini ialah Allah Pencipta jiwa manusia, kerana itu Dialah Yang Maha Tahu tentang penyakit jiwa dan ubatnya. Dialah Yang Maha Mengetahui segala lorong dan liku-likunya, Dialah Yang Maha Mengetahui di mana tersembunyinya keinginan-keinginan hawa nafsu, dan apakah pula ubatnya dan bagaimana hendak mengusir dan memburu hawa nafsu itu dari tempat-tempat persembunyiannya.

Allah tidak mentaklifkan manusia supaya mempastikan keinginan hawa nafsu itu tidak bersemarak di dalam jiwanya kerana Allah S.W.T. tahu bahawa tindakan itu adalah di luar kemampuan manusia. Oleh itu, ia hanya mentaklifkan manusia supaya melarang, mencegah dan memegang tali pacunya serta mencari pertolongan dari perasaan takut kepada kebesaran Allah Yang Maha Agung. Allah menetapkan balasan Syurga kepada setiap orang yang berjihad melawan hawa nafsunya:

*"Maka Syurga itulah tempat kediamannya."(41)*

Ini ialah kerana Allah mengetahui kesulitan dan kehebatan jihad itu, juga mengetahui nilai jihad itu dalam mengasuh, mendidik, membetul dan meningkatkan jiwa manusia ke maqam yang tinggi.

***Di Antara Kebebasan Insaniyah Dan Kebebasan Haiwaniyah***

Manusia itu menjadi manusia dengan sebab kesanggupannya mencegah hawa nafsunya, dengan sebab jihadnya dan dengan sebab peningkatan jiwanya. Ia bukan manusia apabila ia membiarkan dirinya dipermainkan hawa nafsunya dan apabila ia menta'ati dorongan-dorongan nafsunya hingga ke dasarnya yang dalam dengan alasan kerana nafsu itu telah ditanam di dalam tabi'at semulajadinya. Allah yang menciptakan dalam jiwa manusia kesediaan untuk mengikut dorongan nafsu, Dialah juga yang menciptakan kesediaan untuk mengendali, mencegah dan membebaskan diri dari nafsunya. Dan Allah telah memperuntukkan balasan dan kediaman Syurga kepadanya apabila ia berjaya mengalahkan nafsunya dan meningkatkan dirinya.

Kebebasan insaniyah yang melayakkan seseorang menerima penghormatan dari Allah ialah kebebasan mengalahkan hawa nafsu dan kebebasan dari belenggu-belenggu hawa nafsu dan kebolehan mengendalikannya dengan saksama serta mengukuh kebiasaan membuat pilihan dan penilaian ala manusia. Kebebasan haiwaniyah ialah kekalahan di hadapan hawa nafsu dan perhambaan seseorang kepada dorongan nafsunya, dan keterlucutan tali pacu nafsu dari kawalan kehendak dan kemahuannya. Kebebasan haiwaniyah adalah kebebasan yang diperjuangkan oleh makhluk yang tewas kemanusiaannya atau manusia hamba yang memakai baju merdeka yang indah.

Manusia pertama yang dapat mengawal nafsunya berjaya meningkatkan diri dan menyiapkannya untuk memasuki kehidupan yang luhur di dalam Syurga, sementara manusia kedua yang tidak dapat mengawal nafsunya itulah manusia yang jatuh dan bersedia untuk kehidupan yang rendah dalam Neraka dan menjadi kayu bakarnya bersama batu-batu. Itulah kesudahan-kesudahan yang wajar dalam pertimbangan neraca Allah yang menilaikan hakikat segala sesuatu.

* * * * * *

**(Pentafsiran ayat-ayat 42 - 46)**

Pada akhirnya datanglah nada terakhir dalam surah ini membawa bunyi yang hebat, mendalam dan panjang:

***Qiamat Bukan Urusan Rasul***

*"Mereka bertanya kepadamu tentang Qiamat, bilakah waktunya?"(42)*

Orang-orang Musyrikin yang degil bertanya Rasulullah s.a.w. setiap kali mendengar cerita malapetaka Qiamat dan berita hisab dan balasan:

*"Bilakah waktunya?"(42)*

Jawapannya:

*"Mengapakah engkau yang harus menyebutkan waktunya?"(43)*

Jawapan ini membayangkan betapa besarnya persoalan Qiamat dan membuat pertanyaan itu kelihatan remeh-temeh, mengada-ngada dan melampau. Ia terlalu besar untuk ditanya waktunya, kerana seluruh urusannya terpulang kepada Allah. Qiamat adalah urusan Allah bukan urusanmu:

*"Hanya kepada Tuhanmu sahaja kesudahan urusannya."(44)*

Yakni urusan penentuan Qiamat hanya terpulang kepada Allah. Dia sahaja yang mengetahui bilakah waktunya. Dialah yang akan menguruskan segala-galanya pada hari Qiamat itu.

*"Tugas engkau hanya memberi peringatan kepada mereka yang takutkannya."(45)*

Inilah sahaja tugas engkau. Itulah sahaja batas-batas kewajipan engkau. Engkau hanya ditugaskan menyampai amaran kepada orang yang mahu menerima amaran iaitu orang-orang yang yakin dan takut pada Hari Qiamat serta berbekal untuknya dan percaya Qiamat itu akan berlaku pada waktunya yang terserah kepada penentuan Allah Penciptanya.

Kemudian ayat berikut menggambar kedahsyatan dan kehebatan Qiamat yang mengubahkan perasaan-perasaan dan kefahaman-kefahaman, di samping mengubahkan kayu ukur di antara hidup dunia dengan Hari Qiamat dalam tanggapan dan penilaian manusia:

### *Masa Hidup Dunia Terlalu Pendek*

*"Pada hari mereka melihat Qiamat, maka terasalah oleh mereka seolah-olah mereka tidak tinggal di dunia melainkan hanya sepetang atau sepaginya sahaja."(46)*

Kesan peristiwa Qiamat itu begitu besar dan dahsyat pada jiwa manusia hingga kehidupan dunia dibandingkan dengannya kelihatan amat kerdil. Seluruh umur di dunia, peristiwa-peristiwanya, kenikmatan-kenikmatannya dan segala sesuatu yang ada padanya dirasakan mereka seolah-olah kehidupan sepetang atau sepagi sahaja.

Kini tergulunglah sudah kehidupan dunia yang selalu membuat penghuni-penghuninya berperang dan bertarung satu sama lain kerana merebut kenikmatannya, dunia yang selalu membuat mereka mengutamakan kenikmatannya dan mengabaikan usaha mereka untuk mendapat habuan di Akhirat, dunia yang selalu membuat mereka sanggup melakukan untuknya segala jenayah, maksiat dan kezaliman, dan dunia yang selalu membuat mereka dihanyut nafsu dan hidup kerana nafsu.

Kini tergulunglah sudah kehidupan dunia ini di dalam hati pencinta-pencintanya hingga dirasakan mereka seolah-olah kehidupan itu hanya berlangsung selama sepetang atau sepagi sahaja.

Inilah kisah kehidupan dunia yang pendek dan kerdil. Adakah kerana kehidupan sepetang atau sepagi itu, mereka sanggup mengorbankan kehidupan Akhirat yang kekal? Adakah kerana kepuasan hawa nafsu yang fana, mereka sanggup meninggalkan kediaman Syurga yang kekal di Akhirat?

Tidakkah ini suatu ketololan yang paling besar, suatu ketololan yang tidak sanggup dilakukan oleh seseorang yang berakal yang mendengar dan melihat.

* * * * * *